

**Kes Umno Selangor Saman Pas 10 Dan 11 Mei
Bernama
7 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 7 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini Rabu menetapkan 10 dan 11 Mei ini untuk perbicaraan kes saman oleh Umno Selangor terhadap Setiausaha Agung Pas Datuk Mustafa Ali serta lima yang lain berhubung pemeriksaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Gereja Methodist Damansara Utama pada 3 Ogos tahun lepas.

Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Ahmad Zaki Husin menetapkan tarikh itu selepas membatalkan permohonan Mustafa selaku defendan pertama untuk mengetepikan saman yang difailkan oleh Setiausaha Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed atas alasan teknikal.

Defendan kedua dan ketiga iaitu Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Timbalan Presiden Pas Mohamad Sabu sebelum ini turut memfailkan permohonan untuk mengetepikan saman itu tetapi peguam mereka, Azhana Mohd Khairudin, memaklumkan kepada mahkamah Rabu bahawa kedua-dua defendan itu ingin menarik balik permohonan mereka dan mahkamah membenarkannya dengan kos.

Pada 14 Sept tahun lepas, Mohd Zin memfailkan saman itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi di sini dengan menamakan Mustafa, Abdul Hadi, Mohamad Sabu, pencetak akhbar Harakah, Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd, penyunting akhbar berkenaan Ahmad Lutfi Othman dan wartawan Harakah, Khairul Azlam Mohamad, sebagai defendan.

Dalam pernyataan tuntutananya, Mohd Zin berkata Mustafa pada 15 Ogos 2011 telah ditemuramah oleh Khairul Azlam di mana Setiausaha Agung Pas itu didakwa telah memfitnah Umno berkaitan dengan wadah dan perjuangan politik mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650535>